Felda Travel Sediakan Pembimbing Wanita Khas buat Kaum Hawa



Bangi, 18 Jun 2022 – FGV Holdings Berhad menerusi anak syarikatnya Felda Travel Sdn Bhd (Felda Travel) mengambil inisiatif proaktif dengan menyediakan ustazah sebagai pembimbing ibadah khas buat jemaah haji wanita di Tanah Suci.



Inisiatif ini yang telah bermula sejak 2018, dilaksanakan bagi memenuhi keperluan serta keselesaan untuk jemaah haji wanita sepanjang menunaikan haji.

Pengerusi FGV, Dato' Dzulkifli Abd Wahab berkata, "Bakal haji Felda Travel ini sangat bertuah terutamanya untuk jemaah wanita kerana tidak banyak agensi haji yang membawa Ustazah sebagai pembimbing ibadah di Tanah Suci."

Menurut beliau lagi, pembimbing wanita ini dibawa khusus bagi menjaga keperluan ibadah dan keperluan lain yang berkaitan dengan kaum Hawa.

Dengan berbekalkan pengalaman menguruskan haji sejak tahun 2007, pengurusan dan warga kerja Felda Travel bersedia dan komited untuk memberikan layanan terbaik kepada para jemaah haji tahun ini.

Majlis taklimat yang diadakan di Hotel Tenera, Bangi hari ini merupakan salah satu persiapan akhir bakal haji untuk memantapkan kefahaman ibadah haji. Di samping memberi pendedahan dari segi teori dan amali.

Rombongan haji Felda Travel pada tahun ini akan membawa 74 orang bakal haji diiringi oleh 3 orang petugas yang terdiri daripada Ketua Operasi Haji iaitu Tuan Haji Rizal Khalip dan 2 orang pembimbing ibadah haji, iaitu Ustaz Haji Ahmad Nazmie dan juga Ustazah Hajah Ayu Suhana Merican.



Felda Travel bersedia dan komited untuk memberikan layanan terbaik kepada jemaah haji

Penerbangan pertama untuk rombongan haji di bawah Felda travel akan mula berangkat pada 26 Jun ini, diikuti pada 29 Jun, dan yang terakhir pada 2 Julai 2022.

